

## Ulaskan Buku / *Book Review*

Tinjauan tentang *Modal Insan dan Agihan Pendapatan di Malaysia*. 2011. Rahmah Ismail, Ishak Yussof, Mohd. Nasir Mohd. Saukani. Bangi: Penerbit UKM. 211 halaman. Ulasan oleh Nor Aini Haji Idris.

Modal insan seringkali disamaertikan dengan modal manusia. Modal insan atau modal manusia pertama kali diungkapkan oleh Theodore W. Shultz pada tahun 1960 dalam *American Economic Review*[51(1)]. Shultz mentakrifkan modal insan sebagai seorang individu yang berbekalkan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan. Di Malaysia modal insan mula menjadi agenda pembangunan negara dengan pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010).

Konsep modal insan berkait rapat dengan pendidikan dan kesihatan, namun kebanyakan kajian dari bidang tersebut cenderung untuk memberi fokus kepada aspek pendidikan sahaja. Modal insan didefinisikan sebagai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat yang membolehkan mereka produktif dari segi ekonomi. Usaha yang lebih dalam bidang pendidikan, kesihatan dan latihan kemahiran dapat meningkatkan kualiti modal insan. Pada peringkat individu, modal insan (biasanya diukur dalam tahap pendidikan, pengalaman dan tempoh perkhidmatan) ditentukan oleh tahap pendapatan yang diperolehi. Modal insan yang berkualiti adalah pemangkin kepada pembangunan negara. Ianya dapat dilahirkan sekiranya wujud elemen-elemen modal sosial dan modal manusia. Modal insan yang berkualiti juga mampu menghasilkan agihan pendapatan yang seimbang.

Buku yang mengandungi sembilan bab ini fokus kepada hubungkait di antara modal insan dengan modal manusia, modal sosial dan agihan pendapatan. Selain perbincangan dari aspek teori, buku ini juga mengutarakan hasil kajian yang dilakukan terhadap 4003 isi rumah di Semenanjung Malaysia untuk melihat impak kualiti insan terhadap agihan pendapatan. Kombinasi perbincangan secara teori, hasil penyelidikan dan pembentukan indeks kualiti insan menjadikan ianya sebuah buku yang lengkap dan menarik untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Usaha untuk meningkatkan kualiti modal insan dikebanyakan negara selalunya diterjemahkan melalui peruntukan perbelanjaan yang tinggi terhadap pendidikan. Perkara yang sama turut dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Dalam Bab 1, Pendahuluan, penulis cuba membincangkan konsep modal sosial yang sering disamakan dengan modal manusia, konsep modal sosial dan konsep agihan pendapatan. Perbincangan ini menjelaskan bahawa modal manusia adalah sebahagian dari modal insan. Untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti ianya memerlukan modal sosial (jaringan, kepercayaan dan norma hidup) di mana kombinasi antara keduanya mampu mewujudkan keseimbangan dalam agihan pendapatan.

Untuk menambah kefahaman mengenai konsep-konsep tersebut, dalam Bab 2 penulis telah membincang lima teori, iaitu: i) Teori modal insan; ii) Teori modal sosial; iii) Teori kualiti insan; iv) Pengukuran agihan pendapatan dan, v) Teori diskriminasi upah. Secara teori, pengumpulan modal insan boleh meningkatkan produktiviti dan seterusnya pendapatan individu. Proses ini boleh mengurangkan insiden kemiskinan dan mampu mengatasi masalah agihan pendapatan dalam kalangan penduduk. Dari teori, penulis beralih kepada modal insan di Malaysia. Dalam Bab 3, perkembangan modal insan dibincangkan secara terperinci. Penekanan adalah kepada pelaburan pendidikan, latihan dan kesihatan. Statistik perbelanjaan pendidikan dan latihan dipaparkan dari tahun 1960 hingga 2009. Pecahan perbelanjaan pembangunan untuk pendidikan dan latihan serta perbelanjaan untuk kesihatan menunjukkan trend yang semakin meningkat. Begitu juga dengan enrolmen di institusi pendidikan awam dan institusi pengajian tinggi. Ianya menggambarkan komitmen secara bersungguh-sungguh pihak kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkualiti di negara ini. Ianya digambarkan melalui pelbagai dasar dan strategi kerajaan terhadap modal insan dan agihan pendapatan. Aspek ini dibincangkan dalam Bab 4.

Usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dan memperbaiki agihan pendapatan walaupun masih wujud jurang pendapatan diantara negeri-negeri di wilayah kurang maju, khususnya di timur semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Bab 5 membincangkan trend agihan pendapatan di Malaysia berdasarkan kaji selidik yang dilakukan pada tahun 2007-2008. Ini merupakan satu paparan yang jarang dilakukan. Melalui data yang diperolehi melalui kaji selidik, penulis berjaya memaparkan nilai Pekali Gini iaitu pengukuran agihan pendapatan mengikut strata, gender, etnik dan lokasi. Agihan pendapat didapati tidak seimbang di kawasan luar bandar berbanding dengan bandar dan ketidakseimbangan pendapatan lebih ketara dalam kalangan etnik Melayu berbanding etnik Cina dan India.

Sumbangan modal insan dan modal sosial terhadap agihan pendapatan dapat dianggar dengan baik melalui pembentukan indeks kualiti insan. Ianya merupakan gabungan diantara indeks modal insan dengan indeks modal sosial. Dalam Bab 6, penulis telah membincangkan langkah-langkah yang diambil bagi membentuk indeks kualiti insan tersebut. Menggunakan indeks ini, hasil kajian mendapati kualiti insan majoriti isi rumah (78.7%) berada pada tahap sederhana. Hanya sebanyak 8.7% isi rumah sahaja yang mempunyai kualiti insan yang tinggi. Pada waktuyangsama, isi rumah yang termasuk dalam kategori kualiti insan lemah dan amat lemah agak signifikan iaitu 12.7%. Sekiranya keadaan ini



tidak diperbaiki, ditakuti ianya akan melebarkan jurang pendapatan antara penduduk terutamanya isi rumah yang berpendapatan rendah. Isi rumah yang tinggal di kawasan bandar didapati memperoleh nilai indeks yang lebih tinggi berbanding mereka yang tinggal di luar bandar. Selain itu, nilai indeks yang tinggi ditunjukkan oleh isi rumah yang Melayu dan isi rumah yang bekerja di sektor perkhidmatan dan perlombongan.

Persoalannya adakah usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dapat memperbaiki masalah agihan pendapatan di negara ini? Menggunakan indeks kualiti insan, dalam Bab 7 penulis cuba melihat kesan modal insan terhadap agihan pendapatan mengikut isi rumah dan individu yang bekerja. Perkaitannya ialah pencapaian modal insan boleh mempengaruhi tingkat pendapatan individu dan seterusnya mengurangkan masalah agihan pendapatan antara wilayah dan kumpulan masyarakat dalam sesebuah negara. Pengaruh modal insan yang positif terhadap peratus pendapatan yang mampu dimiliki isi rumah dan individu membuktikan pelaburan dalam pendidikan, latihan dan kesihatan adalah penting kerana ia mampu membaiki ketidakseimbangan agihan pendapatan kumpulan mahupun individu.

Perbezaan upah dan pendapatan isi rumah dan individu juga dipengaruhi oleh modal insan. Pendidikan merupakan antara faktor terpenting yang mempengaruhi perbezaan upah di pasaran buruh. Pelaburan dalam pendidikan dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada seseorang individu. Pendidikan formal, latihan dan pengalaman kerja umpamanya secara positif mempengaruhi upah dan produktiviti buruh. Ianya juga boleh menyebabkan perbezaan dalam penerimaan upah walaupun memiliki kemahiran yang sama. Dalam Bab 8, penulis fokus kepada perbezaan upah dan pendapatan serta kaitannya dengan pengaruh modal insan, indeks modal insan, modal sosial dan indeks kualiti insan.

Kesemua aspek ini dianalisis mengikut gender, etnik, wilayah dan kemahiran.

Kajian telah mengenalpasti beberapa penemuan. Perbezaan upah gender dipengaruhi oleh latihan dan pengalaman. Modal insan berjaya merapatkan perbezaan upah antara etnik. Pencapaian modal insan juga telah melebarkan perbezaan upah di antara pekerja mahir dengan pekerja tidak mahir serta di antara wilayah membangun dengan kurang membangun. Mengikut penulis, pendidikan sepanjang hayat adalah kaedah yang paling baik untuk memperbaiki kedudukan modal insan dan modal sosial di negara ini. Dalam membincangkan implikasi dalam Bab 9, telah disarankan selain menekankan kepentingan aspek pendidikan dan latihan, taraf kesihatan individu dan ahli isi rumah juga perlu diberi perhatian. Di samping itu, penduduk perlu digalakkan untuk berpersatuan bagi tujuan memupuk semangat kerjasama dan kepercayaan dalam kalangan masyarakat. Melalui jaringan sosial juga semua maklumat penting berkait dengan peluang pekerjaan yang tersedia lebih mudah di sebar. Gubungan di antara modal insan dengan modal sosial mampu meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah dan seterusnya memperbaiki jurang pendapatan antara ahli isi rumah serta antara etnik dan wilayah. Justeru usaha untuk memperkukuhkan modal insan perlu dilakukan secara berterusan.

Nor Aini Haji Idris  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
noraini@ukm.my